

29/08/1998

EONCMG Life rancang tambah 25 peratus ahli

EON CMG Life Assurance Bhd (EONCMG Life) merancang meningkatkan bilangan pesertanya sekurang-kurangnya 25 peratus setahun dengan mengadakan program peluang kerjaya dan strategi pengambilan kerja inovatif dengan lebih kerap.

Ketua eksekutifnya, Craig Dunn, berkata keyakinan itu disandarkan pembukaan cawangan baru kepada di Pulau Pinang yang mempunyai hampir satu juta penduduk.

Menurutnya, bilangan penduduk yang mewakili lima peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia itu seharusnya membuka peluang amat cerah kepada syarikat insurans nyawa untuk menembusi pasaran negeri itu.

"Demi kepentingan pelanggan, kami akan terus menyediakan penyelesaian dan rancangan kewangan jangka panjang kepada pelanggan dan langkah itu termasuk menyediakan mereka skim perlindungan menyeluruh."

"Ini selaras dengan aspirasi EONCMG Life untuk menjadi penyedia produk kewangan dan perkhidmatan inovatif di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Dunn berkata, inovatif bermaksud menyediakan kaedah pembayaran premium yang sangat mudah seperti kredit kad dan juga melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Menurutnya, insurans nyawa adalah antara industri yang berupaya menghadapi sebarang pusingan ekonomi.

"Insurans nyawa adalah antara bentuk simpanan paling selamat dan terjamin. Lebih-lebih lagi kerana ia menggabungkan unsur perlindungan dan simpanan dalam satu pakej lengkap, membeli polisi akan memastikan ketenangan berterusan kepada pemegang polisi," katanya.

Namun, Dunn berkata, keupayaan syarikat insurans menawarkan produk dan perkhidmatan cemerlang yang dapat memenuhi kehendak orang ramai yang pelbagai akan menentukan pertumbuhan industri insurans nyawa di Malaysia.

Katanya, kerajaan cukup menyokong industri insurans nyawa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyarankan orang ramai membeli insurans sebagai tabungan jangka panjang serta menyediakan dana mencukupi untuk persaraan.

Kini, kurang daripada 25 peratus rakyat Malaysia mempunyai polisi insurans.

Mengenai pembukaan cawangan EONCMG Life di Pulau Pinang, Dunn berkata, ia mengukuhkan lagi kerjasama kedua-dua pemiliknya iaitu Colonial Mutual Group (CMG) yang memegang 40 peratus ekuiti dan Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) - 60 peratus.

Diperbadankan pada 1995, EONCMG Life adalah ahli Kumpulan DRB-Hicom. Selain menikmati sokongan kewangan kukuh daripada syarikat induknya, EONCMG Life juga mendapat manfaat besar berdasarkan pengalaman 125 tahun dalam bidang kewangan antarabangsa daripada CMG.

EONCMG Life menawarkan pelbagai jenis produk kewangan dan perkhidmatan termasuk perlindungan kematian, hilang upaya kekal, kemalangan, faedah hospital dan rawatan, sakit berat dan perlindungan pinjaman.

Selain menjual produk insurans tradisional melalui ejen, produk EONCMG Life juga boleh diperolehi menerusi saluran pengedaran alternatif iaitu Bancassurance dan Group Life.

(END)